

Sambutan di Putrajaya hadiah buat PM

Oleh Mohd Azlan Jaafar

BH 14/8/03
PUTRAJAYA: Perarakan sambutan Hari Kebangsaan ke-46 yang pertama kali diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini adalah hadiah istimewa negara bagi mengenang sumbangan 22 tahun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada negara.

Bakal diadakan di Boulevard Putrajaya dan bertemakan "Malaysia 1981-2003", perarakan berwarna warni yang disertai lebih 12,000 peserta dan disaksikan lebih 300,000 rakyat berbilang kaum akan memaparkan semua kejayaan yang dicapai negara antara 1981 sehingga 2003.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, perarakan akan menterjemahkan pembangunan Malaysia dalam semua bidang sepanjang 22 tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Katanya, perarakan itu secara tidak langsung adalah majlis pelancaran rasmi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan hadiah perpisahan kepada Dr Mahathir.

"Perarakan luar biasa dan bersejarah ini akan menunjukkan kejayaan negara dalam bidang industri, pertanian, teknologi, pendidikan dan perpaduan rakyat," katanya selepas meninjau persiapan sambutan, semalam.

Boulevard sepanjang 4.7 kilometer (km) antara Bulatan Masjid Putra dan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) akan menjadi jalan utama perarakan. Ketika ini kerja menyiapkan Boulevard itu sedang giat dijalankan, termasuk membina pentas berhadapan Kompleks Mahkamah Putrajaya.

Beliau berkata, kawasan luas, terutama antara dua sehingga tiga km sepanjang Boulevard membolehkan lebih ramai rakyat menyaksikan acara bersejarah itu.



Katanya, pihak berkaitan juga bertungkus lumus menyiapkan kawasan itu bagi membolehkan acara utama sambutan kemerdekaan diadakan dengan jayanya.

"Tempat ini kini nampak tidak teratur dan saya sendiri bimbang tetapi mereka memberi jaminan sedang bekerja 24 jam serta siap seminggu sebelum sambutan 31 Ogos," katanya.

Beliau juga berharap rakyat bukan saja dari seluruh Selangor, malah dari Perak dan Negeri Sembilan akan datang seawal jam 7.30 pagi untuk menyaksikan acara bersejarah itu.

Abdul Kadir berkata, semua usaha termasuk menyediakan kawasan letak kereta akan dilakukan bagi menampung kedatangan pengunjung.

"Harapan kita untuk mendapatkan seramai mungkin rakyat di sepanjang Boulevard ini," katanya sambil menambah perkhidmatan bas perantara disediakan bagi membantu mereka yang terpaksa meletakkan kenderaan jauh dari kawasan perarakan.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Kadir berkata, warga Malaysia harus mula mengibarkan Jalur Gemilang pada kenderaan, bangunan dan pejabat dan tidak menunggu pelancaran bulan kemerdekaan.

"Kita mahu semua penuh dengan Jalur Gemilang. Jangan baru 17 hari bulan (pelancaran) baru nak cari bendera," katanya.